



WARTA CAHAYA

Edisi Ogos |



KENALI KAMI!



Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



BIKIN APA?

Training of Trainers (ToT) - PFKK

ToT PFKK adalah kesinambungan modul buku panduan PFKK yang telah siap didokumentasikan. ToT melibatkan guru guru komuniti di Sandakan, Sabah. Termasuklah cara mengendalikan modul ini di sekolah dan pusat pembelajaran masing-masing.



Bengkel Penulisan Khat

Bengkel ini dikendalikan oleh Sdr. Azim, pengamal seni khat di Sandakan. Anak-anak belajar teknik dan cara asas menghasilkan karya khat.



Persahabatan Cahaya FC

Cahaya FC iaitu pasukan bola Cahaya Learning Centre (CLC) membuat perlawanan persahabatan bersama Wawasan FC daripada Sekolah Agama Sri Wawasan.



Pertandingan Menulis Surat PMX

Pertandingan ini sempena bulan kemerdekaan. Mencari penulisan yang kritikal dan mengangkat nilai kebebasan berekspresi dan berkarya dalam kalangan anak-anak Malaysia.



Festival Sandakan

Garaj Cahaya menjadi pempamer gabungan bersama organisasi belia dan local brand di acara Festival Sandakan, Padang Bandaran Sandakan.



Lawatan Sambil Belajar CLC

Pelajar-pelajar melawat Agens Keith House sebagai tempat bersejarah untuk pembelajaran luar kelas.



BIKIN APA?

Kunjungan SUHAKAM (Pejabat Sabah)

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) bersama pesuruhjaya Datuk Mariati membuat kunjungan rasmi ke Cahaya Society. Perbincangan tentang hak asasi terkait pendidikan komuniti rentan, polisi oleh pemerintah dan usaha untuk memastikan tiada lagi terpinggir di Malaysia Madani.



Simposium PFKK

Jelajah PFKK ke seluruh Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC) di Sandakan, Sabah untuk menyerahkan buku panduan modul PFKK sebagai bahan pembelajaran dalam komuniti rentan.



Projek Kesejahteraan Ekonomi Sosial (PKS)

PKS iaitu Kelas Menjahit tajaan geran oleh Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia telah memasuki fasa praktikal selepas lima (5) bulan mempelajari teori asas jahitan. Fasa ini ibukom dilatih oleh rakan strategik kita Qarl Iman untuk mengendalikan mesin industri sebagai persiapan menghasilkan produk komuniti.



Jelajah Genta Belia 2023

Garaj Cahaya bersama-sama organisasi belia lain menjadi pempamer di acara anjuran KBS ini di Dewan Yu Yuan, Sandakan. Terima kasih semua yang mendapatkan produk komuniti kita!



BIKIN APA?

Dialog Sabah oleh WCC

Dialog bertajuk Menambahbaik Sokongan dan Perlindungan Mangsa Jenayah Seksual Kanak-Kanak oleh WCC Penang dengan kerjasama NGO dan agensi kerajaan. Kita menghantar wakil untuk menjadi representatif isu-isu perlecehan seksual dalam kalangan kanak-kanak rentan.



Mesyuarat kerjasama bersama MPS

Majlis Perbandaran Sandakan (MPS-PBT) melantik Cahaya Society sebagai rakan kerjasama untuk agenda kemampanan (SDG) komuniti di Sandakan, Sabah. Beberapa program dirancang pada masa akan datang.



Tayang Wayang CLC

Acara perkumpulan bulanan anjuran Kelab Alumni Cahaya (KAC). Tayangan sekaligus kenduri makan untuk merayakan anak-anak komuniti yang tidak belajar di CLC.



Rakan Sinergi PERKESO

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengundang Cahaya Society untuk menjadi Rakan Sinergi sebagai usaha untuk membantu komuniti bersama-sama rakan NGO tempatan yang lain.



Pesta MerdekaRia 2023

Pesta ini ada acara tahunan yang ke-2 menampilkan bakat anak-anak pusat alternatif di seluruh Sandakan, Sabah. Sempena bulan kemerdekaan, antara acara dipertandingkan adalah Sajak Merdeka, Cerita Rakyat, Koir, dan Lakarya.



BULAN DEPAN, BIKIN APA?

Webinar Hari Malaysia

Kita akan menganjurkan webinar untuk membincangkan kemerdekaan wilayah-wilayah yang berkongsi kepentingan dalam negara berdaulat ini.

Kajian Komuniti

Kajian membabitkan isu-isu lingkungan dalam kalangan komuniti rentan membabitkan lebih 10 lokaliti dan 100 orang responden di seluruh Sandakan, Sabah.

Program KRAFTamu

Kraftamu: Kraf Komunitiku dengan kerjasama PBT-MPS membabitkan lebih 100 orang komuniti untuk agenda kemampunan (SDG) di Sandakan, Sabah.

Sokong Kami!

8603686012

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah
CIMB Bank



CAHAYA ENTERPRISE-QR



Terima kasih semua yang sentiasa percaya,
menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita
Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun
sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya
menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang
mapan. Merdeka!



Media

Website: cahayasociety.org
Facebook/Instagram/Twitter: Cahaya Society
Email: cahayasociety@gmail.com

Alamat

Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1, Jalan
Leila, 90000 Sandakan, Sabah

No. Tel (Pejabat)

089 666 915

No. Tel (Admin)

012 828 4775 (Cik. Lia Ellyana)